

Sistem Kewangan Islam dan Konvensional: Satu Perbandingan Kritis

Program Bengkel Eksekutif Kewangan Islam Ahli-Ahli
Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia



Suhaimi Mohd Yusof

27 September 2010



Kandungan

Evolusi & Definisi Sistem Kewangan

- Apakah maksud sistem kewangan dan bagaimana ia terbentuk?

Komponen Sistem Kewangan Moden

- Apakah komponen yang membentuk sistem kewangan?
- Sistem kewangan Malaysia

Perbandingan Pelaksanaan Fungsi-fungsi Sistem Kewangan Moden Mengikut Kerangka Syariah & Kerangka Konvensional

- Bagaimanakah fungsi perantara kewangan dalam sektor perbankan dilaksanakan mengikut kerangka Syariah?
- Bagaimanakah fungsi perlindungan risiko sektor insurans dilaksanakan mengikut kerangka Syariah?
- Kerangka urus tadbir Syariah sebagai ciri unik sistem kewangan Islam

Cabaran

- Apakah cabaran-cabaran semasa dalam pelaksanaan sistem kewangan Islam?



Evolusi Sistem Kewangan...

- Terbentuk kesan daripada:
 - Tingkah laku atau amalan masyarakat
 - Perkembangan aktiviti ekonomi sepanjang ketamadunan manusia
- Perubahan yang berlaku:



- Unsur-unsur sistem kewangan mula terbentuk apabila aktiviti ekonomi beralih kepada penggunaan secara meluas mata wang bukan komoditi seperti syiling
- Dalam Islam, unsur asas sistem kewangan seperti perantara kewangan dapat dilihat dalam aktiviti yang dilakukan oleh Para Sahabat contohnya Zubair Al-Awwam dikatakan memegang deposit daripada orang awam dengan jumlah yang besar. Terdapat juga rekod yang menyatakan bahawa Ibn Abbas dan Abdullah bin Zubair menguruskan aktiviti kiriman wang
- Ketamadunan awal Eropah - sistem kewangan mula terbentuk apabila rumah-rumah ibadat menjalankan peranan sebagai tempat menyimpan wang masyarakat sekitar


Apakah Maksud Sistem Kewangan?

- Dalam konteks ekonomi moden, istilah sistem kewangan menerangkan secara kolektif tentang suatu jaringan yang merangkumi pasaran, peserta-peserta pasaran dan instrumen-instrumen yang digunakan untuk melaksanakan fungsi-fungsi perantara kewangan.
- Fungsi-fungsi perantara kewangan moden:
 - Fungsi tabungan; menyimpan aset kewangan untuk kegunaan masa hadapan
 - Fungsi kekayaan; pertumbuhan aset kewangan
 - Fungsi mudah tunai & kredit; memudah cara penyaluran dana daripada unit lebihan kepada unit kekurangan/defisit dalam ekonomi
 - Fungsi pembayaran; penyediaan mekanisme pembayaran
 - Fungsi pengurusan/perlindungan risiko; mekanisme pengurusan/perlindungan risiko terhadap aset, nyawa dan sebagainya



Komponen Sistem Kewangan Moden



- Institusi perbankan
- Institusi insurans
- Perantara kewangan bukan bank



- Wang & mata wang asing
- Perbankan runcit
- Pasaran modal

- Produk perbankan runcit
- Perlindungan risiko
- Pasaran modal


Malaysia mempunyai **Dwi Sistem** yang komprehensif



Akta Bank Negara Malaysia 2009: “The financial system shall consist of conventional & **Islamic financial system**”... **Menggambarkan Komitmen Kerajaan...**



Fungsi Institusi Kewangan Sebagai Perantara




Model Ekonomi Islam

Tijari/ تجارى	Pengawal selia	Mandat
Entiti		
Bank	Bank Negara Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Capaian untuk pembiayaan • Mobilisasi deposit • Perlindungan insurans Islam
Takaful		
Pengurusan Dana	Suruhanjaya Sekuriti	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan pasaran modal
Institusi kewangan pembangunan	Agensi berkaitan & BNM	<ul style="list-style-type: none"> • Mandat sosial kewangan

Ijtimaie/ اجتماعى		
Tabung Haji	Agensi berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mobilisasi simpanan ▪ Pengurusan haji
Baitulmal	Kerajaan Negeri	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pembasmian kemiskinan <ul style="list-style-type: none"> ✓ Pengurusan Zakat ✓ Bantuan Kewangan ✓ Latihan Kemahiran ▪ Pengurusan harta baitulmal



Kesalingbergantungan antara institusi & awam serta pertumbuhan ekonomi



Disokong oleh akta, peraturan & infrastruktur

- Akta-akta
- Garispanduan & Peraturan
- Central Credit Reference Information System (CCRIS)
- Sistem Pembayaran & Penyelesaian
- Agensi Penarafan (rating)
- Sistem Penjelasan Cek

Penguatkuasaan oleh Badan Peraturan Pusat (central regulatory body)



Pandangan Islam Terhadap Muamalat

- Islam tidak mencipta muamalat dalam sesuatu masyarakat

الإسلام لم ينشئ المعاملات في المجتمع

- Islam menggariskan kaedah umum berhubung muamalat

الإسلام أتى بقواعد كلية عامة في المعاملات

- Redha (الرضا)
- Penyempurnaan akad (الوفاء بالعقود)
- Larangan terhadap gharar (النهي عن الغرر)
- Larangan terhadap riba (النهي عن الربا)
- Larangan terhadap judi (النهي عن الميسر)
- Tegahan terhadap kezaliman dan mewajibkan keadilan (منع الظلم ووجوب العدل)

- Islam menghubungkan nilai akidah dan akhlak dengan muamalat

الإسلام ربط المعاملات بكل من العقيدة والأخلاق

- Islam menghubungkan Maqasid Syariah dengan muamalat

الإسلام ربط المعاملات بمقاصد الشريعة



Ciri-ciri Utama Fiqh Muamalat (خصائص فقه المعاملات المالية)

- Hukum asal berhubung muamalat dari segi akad dan syarat adalah harus
الأصل في المعاملات من عقود وشروط الإباحة
- Muamalat dibangunkan di atas dasar menyantuni `illah dan maslahah
المعاملات تبنى على مراعاة العلة والمصالح
- Hukum-hukum muamalat kebanyakannya disandarkan kepada `urf dan adat
المعاملات تستند في أغلب أحكامها على العرف والعادة
- Muamalat mencakupi perihal keagamaan (diyanah) dan perundangan (qada')
المعاملات تجمع بين الديانة والقضاء
- Muamalat mengandungi elemen kemasyarakatan
المعاملات ذات نزعة جماعية




Perbandingan pelaksanaan fungsi sistem kewangan moden mengikut kerangka Syariah & kerangka konvensional

- Sebagaimana dinyatakan, fungsi perantara kewangan merupakan unsur utama dalam sesebuah sistem kewangan.


Sistem kewangan Islam	Sistem kewangan konvensional
<ul style="list-style-type: none"> • Fungsi-fungsi perantaraan kewangan dilaksanakan menerusi penawaran instrumen yang dibangunkan berdasarkan pelbagai prinsip Syariah yang dilihat mampu memenuhi keperluan sesuatu fungsi perantara kewangan • Perjalanan sistem yang bebas riba <p>“وأحل الله البيع وحرم الربا” (البقرة: 279)</p> • Perjalanan sistem yang bebas gharar yang dilarang <p>“عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الْحَصَاةِ وَعَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ” (صحيح المسلم)</p> • Perjalanan sistem yang bebas maysir <p>“إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رَجَسٌ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ” (المائدة: 90)</p> • Menekankan prinsip keadilan dan bebas dari berlaku kezaliman “ <p>فإن لم تفعلوا فأذنوا بحرب من الله ورسوله وإن تبتم فلكم رؤوس أموالكم لا تظلمون ولا تظلمون” (البقرة: 279)</p> 	<ul style="list-style-type: none"> • Fungsi-fungsi perantaraan kewangan dilaksanakan menerusi penawaran instrumen yang dibangunkan berdasarkan mekanisme kadar faedah (riba) • Tidak semestinya bebas daripada unsur gharar dan maysir



Fungsi perantara – kerangka Syariah berdasarkan pelbagai prinsip Syariah



Fungsi perantara – kerangka konvensional berdasarkan kadar faedah



- Terdapat pelaburan yang melibatkan jual/beli asset yang tidak dimiliki (gharar)

Suatu pemerhatian menarik: pengamal sistem kewangan konvensional mula mengakui bahawa instrumen kewangan konvensional tertentu seperti derivatif membawa kemudahan

The European Commission (EC) yesterday unveiled tougher rules to impose order and control the US\$600 trillions market in derivatives – the instruments once described by Warren Buffet as “financial weapons of mass destruction”. The new regulation will include more disclosure on short-selling and heavy restriction on so-called “naked shorting”- traders buying or selling derivatives contracts without owning the underlying asset. – STAR, 17 September 2010

Dalam Islam :


عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: “لا يَحِلُّ سَلْفٌ وَبَيْعٌ، وَلَا شَرْطَانٌ فِي بَيْعٍ، وَلَا رِبْحٌ مَا لَمْ يَضْمَنْ، وَلَا بَيْعٌ مَا لَيْسَ عِنْدَكَ” (سنن البيهقي الكبرى)

Dari ‘Amru bin Syaib, dari bapanya, dari datuknya berkata: Sesungguhnya Rasulullah (S.A.W) telah bersabda: “Tidak dihalalkan salaf (akad salam) dengan jual beli, dan tidak dihalalkan dua syarat dalam satu akad jual beli, dan tidak di halalkan keuntungan yang di perolehi tanpa menanggung risiko dan tidak di halalkan jual beli sesuatu yang tidak dimiliki”

Hikmah prinsip Syariah memberikan penekanan dalam aspek gharar dalam mualamat...



Fungsi perlindungan risiko dalam sistem kewangan Islam menerusi penawaran instrumen yang dibangunkan berdasarkan prinsip perkongsian risiko (takaful)



Sambungan...

Fungsi perlindungan risiko dalam sistem kewangan konvensional menerusi penawaran instrumen yang dibangunkan berdasarkan prinsip pemindahan risiko (Insurans)




Dari perspektif Syariah, menjadikan risiko sebagai objek pertukaran mewujudkan unsur *gharar* yang tidak dibenarkan...

Perbandingan antara pengendali takaful & syarikat insurans

Konteks	Takaful	Insurans
Akad kontrak	Kombinasi kontrak tabarru' dan agensi atau akad perkongsian keuntungan	Kontrak pertukaran (jual beli)
Tanggungjawab peserta/pemegang polisi	Risiko dikongsi antara peserta berdasarkan prinsip "Ta'awun"	Risiko dialihkan kepada syarikat insurans
Liabiliti pengendali takaful/syarikat insurans	Pengendali takaful bertindak sebagai pentadbir	Syarikat insurans bertanggungjawab untuk membayar manfaat insurans
Pelaburan dana	Instrumen patuh Syariah	Tiada sekatan
Mekanisme untuk memperbaiki defisit dana	Qard (pinjaman tanpa faedah)	Pemindahan tanggungan

Pembangunan instrumen kewangan Islam berasaskan pelbagai prinsip Syariah mempengaruhi aspek dokumentasi perundangan dan pengoperasian instrumen tersebut berbanding instrumen konvensional....



Sambungan...

Sebagai contoh, pengoperasian pembiayaan berasaskan Tawarruq memerlukan langkah operasi yang berbeza dengan pembiayaan konvensional...

Pembiayaan berasaskan Tawarruq

- Amaun pembiayaan disalurkan melalui proses jual beli aset pendasar tertentu
- Turutan penjualan dan pembelian aset pendasar hendaklah dijalankan mengikut turutan yang betul bagi memastikan jual beli tersebut sah
- Keuntungan yang diperolehi berlandaskan elemen yang di dituntut oleh Syariah (usaha/ risiko/ liabiliti)

Pembiayaan konvensional


- Amaun pembiayaan disalurkan menerusi pinjaman kepada pelanggan dengan pengenaan faedah
- Lebihan yang diperolehi tidak berlandaskan Syariah



Sambungan...

Dari segi dokumentasi perundangan, kandungan dokumen perundangan instrumen kewangan Islam hendaklah menggambarkan ciri-ciri kontrak Syariah yang diguna pakai berbanding dokumentasi instrumen konvensional

Prinsip-prinsip Syariah/ Kontrak Syariah




Dokumentasi	
Kandungan klausa	Terminologi & istilah
Misalan: Turutan jual beli	Jual beli vs. loan Keuntungan vs. riba

Kerangka Urus Tadbir Syariah

Penerapan prinsip Syariah dalam sistem kewangan Islam memerlukan kerangka urus tadbir Syariah yang khusus dan ciri ini adalah unik kepada sistem kewangan Islam berbanding sistem kewangan konvensional...

Kerangka Urus Tadbir Syariah



- Isu- Isu Syariah di peringkat institusi dibincangkan oleh Jawatankuasa Syariah berdasarkan resolusi yang diputuskan oleh MPS
- Jika tiada sebarang resolusi dari MPS, maka Jawatankuasa Syariah boleh mengemukakan cadangan kepada MPS
- Setelah MPS mengambil keputusan tertentu dan ia adalah muktamad, Jawatankuasa Syariah harus memaklumpkannya kepada pihak pengurusan institusi
- Pelaksanaan produk/isu
- Pasukan audit memantau pematuhan produk/isu dengan prinsip-prinsip Syariah

Majlis Penasihat Syariah Pusat + Jawatankuasa Syariah

Harmonisasi
interpretasi
Syariah

Pengiktirafan
& Keyakinan
Umum

Kebebasan &
Integriti

Kejelasan

Mewujudkan
kumpulan penasihat
Syariah berwibawa

Semak &
Seimbang

Majlis Penasihat Syariah Pusat

- Menggalakkan harmonisasi interpretasi Syariah
- Pihak berautoriti dalam hal ehwal Syariah berkaitan kewangan Islam
- Kebebasan dan integriti mendorong keyakinan umum

Jawatankuasa Syariah di Institusi Kewangan

- Peranan semak & seimbang
- Menasihati institusi kewangan dalam hal ehwal Syariah
- Mengesahkan manual pematuhan Syariah dan dokumen produk
- Audit dalaman pematuhan Syariah
- Mewujudkan suasana interaksi berterusan antara pengamal pasaran dengan penasihat- penasihat Syariah

Cabaran	Huraian
Persepsi Masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> Persepsi sebilangan masyarakat bahawa tidak ada perbezaan antara produk- produk Islam & konvensional dari segi kesan pelaksanaan <p style="text-align: center;">“إنما البيع مثل الربا”</p>
Dominasi Sistem Konvensional	<ul style="list-style-type: none"> Pengaruh sistem konvensional terhadap instrumen / produk kewangan Islam <p style="text-align: center;">“حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ سَعِيدٍ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ عَلِيٍّ حَدَّثَنَا دَاوُدُ بْنُ أَبِي هِنْدٍ عَنْ سَعِيدِ بْنِ أَبِي خَيْرَةَ عَنِ الْحَسَنِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيَأْتِيَنَّ عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ لَا يَبْقَى مِنْهُمْ أَحَدٌ إِلَّا أَكَلَ الرَّبَا فَمَنْ لَمْ يَأْكُلْ أَصَابَهُ مِنْ غُبَارِهِ”</p> <p><i>“Sungguhnya akan datang pada manusia suatu ketika tiada seorang pun di antara mereka yang tidak akan memakan (harta) riba. Siapa saja yang (berusaha) tidak memakannya, maka ia tetap akan terkena debu (riba)nya.” (Ibnu Majah)</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan persekitaran sesuai untuk perkembangan sistem kewangan Islam
Khilaf	<ul style="list-style-type: none"> Perbezaan pandangan Syariah dalam kalangan ulamak fiqah
Ulamak Mujtahid	<ul style="list-style-type: none"> Melahirkan ulamak fiqah yang berkaliiber yang memiliki kepakaran dalam ilmu-ilmu Syariah dan berpengetahuan dalam kewangan moden

Pemerhatian

- Asas pembentukan sistem kewangan Islam adalah berbeza dengan sistem kewangan konvensional
- Fungsi perantara kewangan menjadi teras dalam perjalanan sistem kewangan moden. Namun begitu, pelaksanaan fungsi perantara kewangan dalam sistem kewangan Islam didasari oleh pelbagai prinsip Syariah
- Penerapan prinsip Syariah yang pelbagai dalam pelaksanaan fungsi perantara kewangan mempengaruhi aspek pengoperasian dan dokumentasi perundangan instrumen kewangan Islam
- Penerapan prinsip Syariah dalam sistem kewangan Islam memerlukan satu kerangka urus tadbir Syariah yang khusus dan unik
- Suasana sistem konvensional yang mendominasi sistem yang sedia ada mempengaruhi sistem kewangan Islam
- Para penasihat Syariah di peringkat pusat dan institusi merupakan teras kepada kerangka urus tadbir Syariah. Sehubungan dengan itu, pembangunan kapasiti dan kepakaran dalam kalangan penasihat Syariah secara berterusan adalah sangat kritikal bagi memastikan keberkesanan kerangka urus tadbir Syariah



Sekian

